



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 10 TAHUN 1979

**PENGAMBILAN SEMULA PEGAWAI-PEGAWAI YANG
MELETAKKAN JAWATAN KERANA BERTANDING
DALAM PILIHANRAYA KE DALAM PERKHIDMATAN
AWAM TERMASUK BADAN-BADAN BERKANUN DAN
KUASA-KUASA TEMPATAN**

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk menjelaskan keputusan Kerajaan mengenai dasar pengambilan semula ke perkhidmatan awam termasuk badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan bagi pegawai-pegawai yang telah meletakkan jawatan untuk bertanding dalam pilihanraya-pilihanraya di negara ini.

2. Ada didapati pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam termasuk badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan yang telah meletakkan jawatan untuk bertanding dalam pilihanraya-pilihanraya yang diadakan dari masa ke semasa, seterusnya apabila mereka telah gagal dalam pertandingan tersebut ada juga di antara mereka telah memohon untuk berkhidmat semula dengan Kerajaan, badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan.

3. Perkhidmatan Awam Malaysia adalah mengamalkan dasar berkecuali, iaitu memberi taat setia kepada Kerajaan yang berkuasa tanpa mengira parti atau fahaman politiknya. Salah satu aspek berkecuali ini ialah tidak mengambil bahagian yang aktif dalam kegiatan politik dan ini hendaklah dipraktikkan. Dalam hubungan ini, adalah diputuskan bahawa pegawai-pegawai yang meletakkan jawatan untuk bertanding dalam pilihanraya adalah tidak lagi bersikap berkecuali dan dengan itu tidak sesuai untuk terus berkhidmat dalam perkhidmatan awam, badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan.

4. Dengan terkeluarnya Pekeliling ini, adalah diputuskan bahawa pegawai-pegawai perkhidmatan awam dan juga pegawai-pegawai badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan yang telah meletakkan jawatan untuk bertanding dalam pilihanraya adalah tidak dibenarkan berkhidmat semula di dalam jawatan tetap perkhidmatan awam termasuk badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan.

TAN SRI HASHIM BIN AMAN,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR,

3hb Oktober, 1979